

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

SOALAN :

**YB. Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:**

- a) jumlah peserta dalam Program MM2H sejak diperkenalkan pada tahun 2002 hingga Ogos 2014; dan
- b) taburan peserta mengikut negeri di Malaysia dan jumlah mereka yang terlibat

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak Program Malaysia My Second Home (MM2H) dilancarkan pada tahun 2002 sehingga Ogos 2014, seramai 26,162 orang warganegara asing dari 123 buah negara telah diluluskan untuk tinggal secara jangka panjang di Malaysia.

Taburan bilangan peserta mengikut negeri adalah tidak direkodkan kerana peserta bebas bermastautin di mana-mana negeri di Malaysia. Untuk makluman, antara destinasi pilihan utama bagi peserta MM2H adalah Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor.

Sekian, terima kasih.